

23/05/2003

Ekonomi separuh kedua lebih baik

MALAYSIA diunjur mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih baik pada separuh kedua tahun ini berikutan pelaksanaan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin.

Gabenor Bank Negara (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata beliau yakin pakej itu mampu merancakkan semula kegiatan ekonomi yang terjejas oleh pelbagai faktor luaran, terutamanya krisis di Asia Barat dan wabak Sindrom Pernafasan yang Teruk (SARS).

"Kami percaya asas ekonomi yang kukuh dapat dicapai, justeru, negara akan mencapai prestasi yang lebih baik pada suku kedua tahun ini," katanya

pada seminar ekonomi anjuran Biro Ekonomi MCA, di Kuala Lumpur semalam.

Zeti dijadual mengumumkan pada 28 Mei ini prestasi ekonomi bagi tempoh suku pertama tahun ini.

Gabenor bank pusat itu berkata, walaupun dasar ekonomi negara yang sedia

ada adalah baik, namun Malaysia perlu mengambil langkah awal bagi menangani sebarang masalah yang timbul kesan faktor luaran, dengan memperkenalkan pakej berkenaan.

"Pakej Strategi Baru itu melengkapkan lagi dasar yang sudah sedia ada untuk memastikan supaya asas ekonomi negara sentiasa kukuh.

"Apa yang penting, ialah negara tidak hilang arah ketika cuba mencapai matlamatnya, daya saing dan daya tahan," katanya.

Sementara itu, pada sesi soal jawab kemudiannya, Zeti berkata kerajaan akan terus berusaha menggalakkan pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), yang dikenal pasti penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

BNM akan terus memberi keutamaan terhadap pemberian pembiayaan kepada sektor berkenaan, katanya, sambil menambah, kerajaan sudah menyediakan

49 skim pembiayaan untuk sektor itu membabitkan peruntukan RM4.7 bilion.

Kadar faedah yang ditawarkan di bawah skim pembiayaan itu juga, katanya,

adalah lebih rendah iaitu antara 3.75 peratus hingga lima peratus.

"BNM juga sudah menubuhkan sebuah unit khas PKS bagi menangani masalah berkaitan sektor itu, khususnya masalah pembiayaan. Setakat ini, peserta PKS memberi sambutan baik terhadap talian berkenaan dengan 80 aduan diterima pada hari pertama penubuhannya Selasa lalu," katanya.